



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**Status Semasa Kejadian Influenza B**  
**Di Kalangan Pelatih Pusat Latihan Polis (PULAPOL),**  
**Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus**

**18 Mei 2009**

Sehingga jam 8.00 pagi 18 Mei 2009, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan buat masa ini masih ada satu (1) kes yang dirawat di Wad Isolasi di Hospital Tuanku Jaafar. Keadaannya adalah stabil. Setakat ini hanya 11 kes yang masih berada di dalam pemerhatian dan keseluruhannya stabil. Berdasarkan penyiasatan awal wabak dan ujian makmal di dapati kejadian ini adalah berpunca dari jangkitan Influenza B. Aktiviti pemantauan ke atas pelatih dan kakitangan di PULAPOL terus dijalankan oleh petugas kesihatan yang bertugas selama 24 jam dimana sesiapa yang mempunyai gejala jangkitan akan dirujuk ke terus ke Hospital Jempol untuk rawatan lanjut. Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan bahawa langkah-langkah pencegahan dan kawalan telah dilaksanakan bagi memastikan penyakit ini tidak merebak.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 18 Mei 2009